

Skim Pemberhentian Pekerjaan Dilaksana Selepas Dapat Persetujuan MEF Dan MTUC
Bernama
28 Mac, 2012

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Skim Pemberhentian Pekerjaan akan dapat dilaksanakan jika Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) bersetuju dengan modul serta mekanisme jangka panjang yang ditetapkan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Maznah Mazlan berkata kerajaan memperuntukkan RM52 juta sebagai dana permulaan skim itu.

"Perjanjian kedua-dua pihak ini akan dibawa ke satu mesyuarat melibatkan Kementerian Sumber Manusia, wakil Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan pihak yang mewakili majikan untuk mendapatkan kesefahaman mengenai modul dan mekanisme yang sesuai untuk melaksanakan skim tersebut," katanya ketika menggulung usul menjunjung kasih titah ucapan Yang di-Pertuan Agong di Dewan Rakyat.

Maznah juga berkata seramai 1.57 juta pekerja asing bekerja di Malaysia dengan menggunakan pas lawatan sementara sehingga Disember tahun lepas.

Beliau berkata kerajaan merangka langkah jangka pendek dan panjang bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing seperti meningkatkan kadar levi secara berperingkat.

Persidangan Dewan Rakyat disambung Rabu.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655295>